

Najib perlu kemuka permohonan baharu untuk tahanan di rumah

Keputusan Lembaga Pengampunan dibuat berdasar tatacara, saluran undang-undang

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak perlu mengemukakan permohonan baharu kepada Lembaga Pengampunan dipengerusikan Yang di-Pertuan Agong, sekiranya ingin menghabiskan baki tempoh hukumannya kepada tahanan di rumah.

Jabatan Peguam Negara memaklumkan, keputusan oleh Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan Yang di-Pertuan Agong itu akan dibuat berdasar tatacara dan saluran yang su-

dah ditetapkan mengikut undang-undang dan bukannya mana-mana saluran lain.

"Kamar ini dititahkan oleh Seri Paduka untuk memaklumkan, bahawa semua permohonan mengenai pengampunan bagi kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengampunan.

"Oleh itu, sekiranya mana-mana pihak ingin mencadangkan mana-mana banduan termasuk Datuk Seri Najib Razak menghabiskan baki tempoh hukuman dengan ditahan di rumahnya, permohonan perkara itu hendaklah dikemukakan untuk dipertimbangkan Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan Seri Paduka mengikut tatacara dan saluran ditetapkan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa," katanya dalam kenyataan semalam.

Jabatan Peguam Negara berkata, berdasarkan Perkara 42(1) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong berkuasa untuk memberi ampun, tunda hu-

kum dan lega hukum bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

"Perkara 42(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan antara lain bahawa Yang di-Pertuan Agong juga boleh meremit, menggantung atau meringankan apa-apa hukuman yang telah dijatuhkan oleh mahkamah.

"Dalam hal ini, keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Lembaga Pengampunan menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan juga adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang terpakai bagi mengelakkan tindakan sedemikian dicabar di mahkamah kerana tidak sah dari segi undang-undang," katanya.

Najib, 71, sedang menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 23 Ogos 2022, selepas disabitkan kesalahan menyeleweng dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd memfailkan petisyen untuk pengampunan diraja pada 2 September tahun sama.

Lembaga Pengampunan kemu-

diannya mengurangkan hukuman penjara Najib daripada 12 tahun kepada enam tahun, manakala denda dikurangkan daripada RM210 juta kepada RM50 juta, menjadikan beliau bakal bebas pada 23 Ogos 2028.

Titah Adendum yang membebarkan Najib menjalani baki hukuman penjara di bawah tahanan rumah dikatakan diperkenan Yang di-Pertuan Agong ke-16.

Mohon perintah mandamus

Dalam permohonan yang difailkan pada April lalu, Najib memohon perintah mandamus untuk memaksa responden menjawab dan mengesahkan kewujudan Titah Adendum.

Beliau menamakan Menteri Dalam Negeri; Ketua Pengarah Penjara; Peguam Negara; Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Undang-Undang dan Reformasi Institusi); Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di JPM serta Kerajaan Malaysia se-

bagai responden.

Bekas Perdana Menteri itu juga memohon perintah, jika titah adendum itu wujud, maka semua responden atau seorang daripada mereka perlu melaksanakannya dan dengan serta-merta memindahkan beliau dari Penjara Kajang ke kediamannya di Kuala Lumpur untuk menjalani baki hukuman penjara di rumah.

Pada 3 Julai lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan Najib apabila memutuskan empat affidavit menyokong tuntutan, termasuk kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Naib Presiden, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, tidak boleh diterima pakai kerana ia khabar angin semata-mata.

Mahkamah Rayuan menetapkan 6 Januari ini untuk mendengar rayuan Najib berhubung keputusan Mahkamah Tinggi itu yang menolak kebenaran semakan kehakiman dan notis usul yang difailkan untuk mengemukakan keterangan tambahan berkaitan Titah Addendum.